



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA



JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kelayakan dengan CIDB seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

Bil	No. Sebutharga	Kawasan Kerja	Tajuk kerja
1.	PHN.NS.SH 10-2024	PEJABAT RENJ KUALA PILAH (BERHADAPAN GIANT KUALA PILAH)	KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DI PHDNS (TIMUR): BANGUNAN PEJABAT HUTAN DAERAH NS TIMUR, KUALA PILAH.
Kelayakan CIDB	Gred Pendaftaran	G2 (Bangunan/ Awam)	
	Pengkhususan	B04, CE21, M15	
TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL			Dokumen sebutharga boleh diperolehi di kaunter Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Wisma Negeri. mulai 27 MAC 2024 (Rabu) bermula jam 12.00 tengahari sehingga 1 APRIL 2024 (Isnin) sebelum jam 4.00 petang
Tarikh Tutup			3 April 2024 (Rabu) Sebelum Jam 12.00 tengahari

2. Lawatan ke tapak pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mengambil dokumen Sebut harga. **WAKIL KONTRAKTOR TIDAK DI BENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK.** Semua Kontraktor G2 (Bangunan/ Awam) di dalam Negeri Sembilan adalah dipelawa :-

Tarikh : 22/03/2024

Masa : 2.30 PETANG

Tempat : PEJABAT RENJ KUALA PILAH (BERHADAPAN
GIANT KUALA PILAH)

Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dengan harga pendaftaran sebanyak RM 100.00 dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dibawah Kategori G2

3. Buku dokumen sebutharga akan hanya dijual pada tarikh **27hb Mac 2024 (Rabu)** hingga **1hb April 2024 (Isnin)** dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah untuk setiap sebutharga. Bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Hasil Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Slip Bayaran hendaklah dikepikan bersama-sama dokumen sebutharga sewaktu serahan.
4. Penyebutharga yang ingin membeli buku dokumen sebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran (asal) dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (asal), Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) (asal) dan CIDB (asal) semasa lawatan tapak.
5. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Sebut Harga : PHN.NS.SH 10 – 2024** disudut sebelah kiri bahagian atas sampul surat tersebut dan perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan sebelum atau pada **3 April 2024 (Rabu) pukul 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :

Encik Mohd Hanif bin Zakariah 06-7602506

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Bertarikh : 15 Mac 2024

Tarikh Kenyataan Tawaran Sebutharga
ini dikeluarkan: 15 Mac 2024

